

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [ MAS GADING ]**

**SOALAN NO. 308**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang diberikan sejak 2010 untuk petani-petani kecil yang mengusahakan tanaman “*short-term Crops*” seperti sayuran dan cili secara komersial dan berapakah bilangan peserta dari Sarawak yang menerima manfaat tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian Sarawak telah memperkenalkan Program Mempelbagaikan Pertanian bagi membantu para petani yang berminat dalam mengusahakan tanaman jangka pendek ataupun dikenali sebagai ‘*short-term crops*’ seperti tanaman sayur, herba dan rempah serta tanaman kontan.

Bagi tempoh RMKe-10 iaitu dari tahun 2010-2015, Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM15,252,000.00 dan seramai 1,691 orang peserta telah menerima manfaat daripada Program ini. Manakala dalam RMKe-11 setakat tahun 2018 sebanyak RM9,080,000.00 telah diperuntukkan dan melibatkan 1,033 peserta. Sehubungan dengan itu jumlah keseluruhan peruntukan Program Pembangunan Tanaman Sayuran dan Kontan bagi tempoh tahun 2010 sehingga tahun 2018 adalah sebanyak RM17.1 juta dan seramai 2,724 orang petani telah menerima manfaat daripadanya.

Sekian, terima kasih.